

Balu kahwin lain tetap terima pencen suami

UM 20 OCT 2001

KUALA LUMPUR 19 Okt. — Bagi membela nasib balu-balu yang telah kehilangan suami, Perdana Menteri hari ini mengumumkan golongan itu akan tetap menerima pencen suami yang telah meninggal walaupun berkahwin lain.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, berbeza dengan peraturan lama, balu-balu akan kehilangan pencen suami sekiranya mereka berkahwin semula.

“Pada masa ini balu-balu yang menerima bayaran pencen suami yang telah meninggal akan kehilangan pencen jika mereka berkahwin semula.

“Saya mencadangkan supaya bayaran pencen ini akan terus diberikan walaupun mereka berkahwin semula.

“Adalah diharap tidak ramai di kalangan kakitangan kerajaan akan mengambil isteri muda dan meninggalkan isteri yang tua kerana peruntukan ini,” katanya berseloroh dengan disambut sorakan ahli-ahli

Parlimen ketika membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat, hari ini.

Dalam pembentangan yang sama, Perdana Menteri turut mengumumkan kerajaan akan memperuntukkan sejumlah RM59 juta untuk menaikatkan kualiti hidup wanita.

Beliau berkata, melalui peruntukan itu kerajaan akan membuat program-program khusus bagi membangunkan usahawanita serta menghapuskan perbezaan jantina dalam semua lapangan.

“Pelaksanaan langkah-langkah ini menepikan komitmen kerajaan supaya wanita diberi peluang yang sama rata dalam semua bidang,” ujarnya.

Berhubung dengan penglibatan kaum wanita dalam sektor pekerjaan di negara ini, Perdana Menteri berkata, ia adalah di paras 44.5 peratus, lebih rendah daripada 60 peratus di negara-negara maju.

“Sesungguhnya wanita di negara ini bertuah kera-

na kerajaan sentiasa memberi galakan dan peluang yang saksama untuk menceburi sebarang bidang pekerjaan sama seperti lelaki.

“Tidak seperti di negeri-negeri tertentu yang tidak menggalakkan kaum wanitanya bekerja walaupun terdapat contoh-contoh wanita di zaman Rasulullah turut menceburkan diri dalam sektor ini seperti Saidatina Khadijah dan Saidatina Aisyah,” katanya lagi.

Pembangunan

Beliau berkata, penduduk Islam di negara hanyalah 60 peratus dan separuh daripada jumlah itu adalah wanita.

Kata Perdana Menteri, sekiranya tenaga wanita tidak dibenar menyumbangkan kepada pembangunan orang Islam, tenaga orang Islam akan berkurangan kepada 30 peratus.

“Sudahlah mereka lemah. Mereka akan jadi lemah lagi,” tambahnya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, bagi

mengiktiraf peranan wanita dalam pembangunan ekonomi kerajaan telah menubuhkan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Menurutnya, dengan penubuhan kementerian itu, isu dan masalah yang spesifik berkaitan wanita termasuk kanak-kanak dan kekeluargaan dapat diberikan tumpuan dan perhatian dengan lebih khusus.

Dalam hubungan itu, Artikel 8(2) Perlembagaan Persekutuan telah dipinda bagi memasukkan perkataan jantina (gender) supaya tiada lagi sebarang undang-undang atau dasar yang mendiskriminasikan wanita.

“Kerajaan juga telah melancarkan kempen wanita antikeganasan pada 23 Julai lalu dengan matlamat menghentikan sebarang keganasan ke atas wanita,” tambahnya.